



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتر حَالِ اَلْاَءَالِ اَلْاِءَامَةِ اَلْاِسْلَامِيَّةِ اَلْاَسَاةِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

08 MUHARAM 1447H/ 04 JULAI 2025M

### “TEGAKKAN AMAR MAARUF DAN NAHI MUNGKAR DALAM BERAMANAH”

*Disediakan oleh*

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾ ﴿آل عمران: 104﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِالتَّقْوَى اللَّهُ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

### **SIDANG MASYIRAL JUMAAT SEKALIAN**

Jumaat yang penuh berkat ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri dan kepada sidang jemaah Jumaat yang menjadi tetamu Allah sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Khatib pada hari ini akan menyampaikan khutbah bertajuk: ***“Tegakkan Amar Maaruf Dan Nahi Mungkar Dalam Beramanah.”***

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI,**

Sekiranya Allah SWT mengurniakan kita dengan satu amanah, jawatan ataupun tugas, maka ketahuilah ia adalah amanah dari Allah dan kita akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Amanah itu dipikul pada setiap individu. Apabila amanah berada ditangannya, ada yang berjaya mendatangkan kebaikan dan ada juga yang mengundang kejahatan buat dirinya atau orang lain. Ingatlah firman Allah SWT ketika mana Allah ingin memberikan amanah kepada langit, bumi dan gunung-ganang lalu mereka enggan memikulnya kerana takut tidak dapat menunaikan amanah itu. Firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٤﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

### **SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA**

Salah satu perwatakan orang bertakwa adalah senantiasa menegakkan amar makruf dan mencegah kemungkaran. Allah SWT berfirman melalui surah ali-Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

**Maksudnya:** “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

Ayat ini merupakan perintah Allah SWT kepada umat Islam untuk berdakwah yakni menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ayat ini juga menekankan pentingnya kewajipan berdakwah ini sebagai fardu kifayah. Ini bermaksud, jika sebahagian umat Islam melaksanakannya, maka gugurlah kewajipan itu dari yang lain.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN**

Imam abu Laith al-Samarqandi berkata: “Seorang yang menjalankan Amar Makruf dan Nahi Mungkar harus melengkapi lima syarat:

**Pertama: Berilmu**, sebab orang yang bodoh tidak memahami amar makruf dan nahi mungkar.

**Kedua: Ikhlas** kerana Allah dan menegakkan agama. Seperti yang dikatakan oleh Sayidina Ali RA: *“Bahawa orang yang ikhlas adalah orang yang memusatkan fikirannya supaya setiap amalannya diterima oleh Allah SWT.”*

**Ketiga: Kasih dan sayang** kepada yang dinasihati.

**Keempat: Baik perbuatan dan perkataan**, dan;

**Kelima: Ramah mesra dan jangan menggunakan kekerasan** kerana Allah SWT telah berfirman dalam surah Luqman ayat 17:

يَبْنِيْ اَقِمِ الصَّلَاةَ وَاْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَاَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاَصْبِرْ عَلٰى مَا اَصَابَكَ ۖ اِنَّ ذٰلِكَ مِنْ  
عَزْمِ الْاُمُوْرِ ﴿١٧﴾

**Maksudnya:** *“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.”*

## **JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN**

Setiap amanah dan tanggungjawab akan dipersoalkan kelak di hari akhirat. Disini boleh disimpulkan beberapa tingkat amanah tersebut:

### **Pertama: Amanah kita kepada Allah dan rasul**

Amanah kepada Allah dan Rasul bermaksud melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya, serta mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian. Ini melibatkan ketaatan, kepatuhan, dan kesungguhan dalam menjalankan ibadah, menjaga hubungan baik sesama manusia, dan memelihara diri dari perbuatan yang dilarang.

### **Kedua: Amanah kita kepada pemimpin (ulul amri) dan negara**

Amanah kepada pemimpin bermaksud memikul tanggungjawab dan kewajipan yang diberikan dengan penuh kejujuran. Amanah dalam kepimpinan juga melibatkan kepentingan umum dan kesejahteraan rakyat. Manakala amanah pada negara adalah untuk mentaati pemimpin yang mentadbir negara dalam perkara yang baik dan tidak melanggar syariat Allah SWT. Kita juga bertanggungjawab untuk memberikan nasihat yang baik dan menyokong usaha pemimpin demi kemaslahatan negara.

### **Ketiga: Amanah kita kepada keluarga**

Amanah kepada keluarga bermaksud melaksanakan segala tanggungjawab dan kewajipan terhadap keluarga dengan penuh kejujuran, adil, dan kasih sayang. Ini termasuk menjaga kebajikan, mendidik, melindungi, dan memastikan kesejahteraan anggota keluarga dari segi fizikal, mental, dan spiritual.

Ketahuilah, bahawa menjaga serta melaksanakan semua amanah itu adalah tanda kesempurnaan iman.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH**

Khatib turut menyampaikan pesan bersempena **Sambutan Hari Ulang Tahun RELA kali ke 53** tahun ini, yang disambut pada 3 Julai setiap tahun. Marilah kita semua, sebagai satu masyarakat yang prihatin, menghayati semangat kesukarelawanan yang menjadi teras perjuangan RELA. Sempena hari bersejarah ini, khatib menyeru para jemaah agar turut serta dalam aktiviti - aktiviti sukarelawan yang dianjurkan di setiap daerah. Kesatuan dan kebersamaan kita dalam menghulurkan bantuan, memperkukuhkan keselamatan komuniti, serta menyemarakkan nilai kepedulian sosial dan ihsan perlu diperkasakan seperti mana yang dianjurkan dalam Islam. Ini juga merupakan peluang untuk kita mendekatkan diri kepada Allah SWT dalam melaksanakan amanah dengan semangat kesukarelawan demi meraih reda Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang **mafhumnya**: *“Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak amanah dan tiada agama bagi orang yang tidak berpegang dengan janji”*. (HR. Imam Ahmad)

## KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH

Menyimpul khutbah Jumaat minggu ini, khatib mengingatkan sekali lagi, tentang betapa pentingnya aktiviti kesukarelawan dalam kehidupan kita bermasyarakat. Oleh itu, janganlah kita menganggap usaha sukarelawan sebagai sesuatu yang remeh. Sebaliknya, anggaplah ia sebagai satu bentuk ibadah dan amanah yang mendekatkan kita kepada Allah SWT sekaligus dapat memperbaiki hubungan sesama manusia. Marilah kita laksanakan amanah yang kita pikul, jangan sekali-kali kita mengkhianatinya. Allah SWT berfirman dalam surah al-Anfal, ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

**Maksudnya:** *“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَهَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi berkat Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan,

mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**Disediakan dan diedar oleh:**

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:**

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com) untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.